

TARIKH: 27/6/23
SURAT KHABAR: Kosmo Negara
MUKA SURAT: 4

4.5 juta hilang kerja kerana AI pada 2030

SHAH ALAM – Seramai 4.5 juta pekerja di negara ini berkesempatan hilang pekerjaan menjelang 2030 sekiranya tiada latihan semula kemahiran susulan peningkatan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, wujud keperluan mendesak mengubah tenaga kerja negara supaya menjadi tenaga kerja lebih mahir untuk kekal relevan dalam Revolusi Perindustrian 4.0.

Katanya, berdasarkan Forum Ekonomi Dunia 2020 juga telah memberi amaran bahawa AI boleh menyebabkan berlaku kemelesetan pasaran pekerja-

aan dengan sebanyak 85 juta pekerjaan digantikan oleh robot menjelang 2025.

“Dalam laporan sama, turut menyatakan bahawa, untuk mengekalkan pekerjaan dalam tempoh dua tahun akan datang, 50 peratus pekerja perlu untuk dilatih semula.

“Pekerja yang tidak mengikuti perubahan ini akan berisiko kehilangan pekerjaan,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran dan Apresiasi Industry Driven Talent Acceleration Programme (ID-TAP) 2023 di Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor, di sini semalam.



SIVAKUMAR (dua dari kiri) meninjau sebuah makmal di Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor di Shah Alam semalam.

KOSMO: Negara ms 4 27/6/23